

**SKIM PERKHIDMATAN
ARKITEK LANDSKAP**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 2 JULAI 2009

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred J41	:	P1T1	RM2088.25	-	P1T23	RM4721.03
		P2T1	RM2184.26	-	P2T23	RM5015.88
		P3T1	RM2284.45	-	P3T23	RM5306.79
Gred J44	:	P1T1	RM3026.12	-	P1T14	RM5016.03
		P2T1	RM3355.90	-	P2T14	RM5544.71
Gred J48	:	P1T1	RM4428.75	-	P1T8	RM5880.06
		P2T1	RM4868.46	-	P2T8	RM6436.67
Gred J52	:	P1T1	RM4989.53	-	P1T8	RM6440.84
		P2T1	RM5462.64	-	P2T8	RM7030.85
Gred J54	:	P1T1	RM5255.30	-	P1T8	RM6840.23
		P2T1	RM5720.06	-	P2T8	RM7463.62

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 dan
 - (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Arkitek Landskap adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Arkitek Landskap Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4. Arkitek Landskap Gred J41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Arkitek Landskap boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN	6. Arkitek Landskap Gred J41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Arkitek Landskap Gred J41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:- (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN	9. Arkitek Landskap hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED J44	10. Arkitek Landskap Gred J41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Arkitek Landskap Gred J44 yang kosong apabila telah:- (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED J48**

11. Arkitek Landskap Gred J44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Arkitek Landskap Gred J48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED J52**

12. Arkitek Landskap Gred J48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Arkitek Landskap Gred J52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED J54**

13. Arkitek Landskap Gred J52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Arkitek Landskap Gred J54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

14. Arkitek Landskap Gred J54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.7.2005. [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2005, JPA(S)324/14/11 Klt. 3(9)].